

592:
MAHATHIR

1974

IPOH, 16 SEPT. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI BELIAU AKAN MEMERHATIKAN BAHAWA PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN BERJALAN DENGAN LICIN DAN TERATUR DAN DILAKSANAKAN SEPERTI YANG DIJADUALKAN.

BELIAU PERCAYA SEMANGAT, KESEDARAN DAN MOMENTUM PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN INI MAKIN BERTAMBAH SERIUS.

ADALAH MENJADI HASRAT RAKYAT SUPAYA DASAR INI DIJAYAKAN SEPENUHNYA, KATANYA DIHARI UCAPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN DISINI.

KATANYA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MENGANDUNGI BERBAGAI KAUM, PERPADUAN RAKYAT MERUPAKAN SATU PERKARA YANG PALING MUSTAHAK DAN UTAMA.

BELIAU YAKIN PERPADUAN INI AKAN LAHIR DARI DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN MELALUI SUATU MEDIUM ATAU BAHASA PENGANTARAN YANG BERKHIDMAT IAITU BAHASA MALAYSIA.

DALAM KONTEKS INI BAHASA MALAYSIA BUKAN SAJA MENJADI BAHASA ILMU PENGETAHUAN TETAPI JUGA SEBAGAI BAHASA PERPADUAN, BAHASA YANG AKAN MEMBENTUK JIWA, PEMIKIRAN, NILAI DAN PANDANGAN HIDUP YANG BENAR-BENAR BERCORAK MALAYSIA.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA ADALAH DITAKSIRKAN SEBANYAK \$23.8 JUTA DIBELANJAKAN SETAHUN UNTUK MENGURUSKAN 20 BUAH SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH MENENGAH SAINS DI NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 1604/ZCM

593:
MAHATHIR 2 IPOH

KATANYA INI BERMAKNA KERAJAAN MEMBELANJAKAN SEBANYAK \$1.2 JUTA SETAHUN UNTUK TIAP-TIAP BUAH SEKOLAH SEPERTI INI. 'KITA MAHU SETIAP SEN YANG DIBELANJAKAN ITU MENDATANGKAN FAEDAH YANG SETIMBAL.'

OLEH ITU, ORANGRAMAI PERLULAH DIBERI KEYAKINAN BAHAWA SEKOLAH JENIS INI BENAR-BENAR DAPAT MENGELUARKAN MUTU PENCAPAIAN AKADEMIK YANG BAIK DAN PERWATAKAN ANAK-ANAK MEREKA DILAJA DENGAN BADI

MEREKA SEYUGIA DIYAKINKAN BAHAWA PERSEKOLAHAN PELAJAR-PELAJAR DI SEKOLAH INI MERUPAKAN SUATU PELABURAN MODAL DAN TENAGA MANUSIA YANG AKAN MENGUNTINGKAN BANGSA DAN NEGARA.

DR. MAHATHIR MENYERU PARA PELAJAR SUPAYA MENEMPUH PELAJARAN DENGAN PENUH KESEDARAN DAN MEMBUAT PERSEDIAAN YANG LENGKAP UNTUK MENOLONG RAKYAT YANG TELAH MEMBIAYAI PERSEKOLAHAN MEREKA.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA SAINS DAN TEKNOLOJI MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DALAM PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN SESEBUAH NEGARA.

KEYAKINAN INI KIAN BERTAMBAH SESUDAH MELIHAT KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI OLEH BEBERAPA NEGARA DIDUNIA SEPERTI AMERIKA, RUSIA DAN JEPUN.

'KEYAKINAN INILAH YANG MENYEBABKAN KITA MEMBERI PENEKANAN KEPADA PELAJARAN SAINS DAN TEKNIK DALAM SISTEM PERSEKOLAHAN DENGAN MENUBUHKAN SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH SAINS DI SELURUH NEGARA SEBAGAI USAHA MENUJU KEARAH MATLAMAT MEMAJUKAN NEGARA,' KATANYA-- BERSAMBUNG 1610/ZCM

BELIAU MENEGASKAN PENUBUHAN SEKOLAH MENENGAH SAINS ADALAH SATU PROJEK YANG BERANI DAN MENJADI SATU CIRI YANG PENTING DALAM SISTEM PERSEKOLAHAN DI NEGARA INI.

BELIAU YAKIN PENUH PROJEK INI AKAN BERJAYA DAN BERKATA, KERAJAAN BERCADANG MEMBAWA SEMBILAN BUAH SEKOLAH BERASRAMA PENUH YANG LAIN YANG SEDIA ADA KEDALAM SISTEM PERSEKOLAHAN SEPerti SEKOLAH MENENGAH SAINS.

OLEH ITU PADA TAHUN INI, SEKOLAH STAR INI MENGEMUKAKAN CALUN JURUSAN SASTRANYA YANG TERAKHIR DALAM PEPERIKSAAN MCE.

DR. MAHATHIR MENINGATKAN GURU-GURU YANG MENGAJAR DENGAN BAHASA PENGANTAR BAHASA INGGERIS SUPAYA MEMASTIKAN MEREKA SUDAH BERSEEDIA MENERIMA PERUBAHAN PENUKARAN BAHASA PENGANTAR DARI INGGERIS KE BAHASA MALAYSIA.

KATANYA MEREKA YANG BELUM LAGI MEMBUAT PERSEDIAAN YANG SEWAJARNYA, SUDAH TENTU AKAN DITINGGALKAN OLEH ARUS PERUBAHAN INI. MUNGKIN ADA DIANTARA MEREKA YANG AKAN DIHANYUTKAN OLEH ARUS TERSEBUT.

BELIAU MENGULANGI BAHAWA MENURUT JADUAL PELAKSANAANNYA, PADA TAHUN DEPAN, MURID DI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN INGGERIS YANG MULA BELAJAR MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR DALAM TAHUN 1970 AKAN BERADA DI DARJAH ENAM.

MEREKA AKAN MENERUSKAN PELAJARAN MENENGAH DENGAN PENGANTAR BAHASA MALAYSIA DITINGKATAN SATU PADA TAHUN 1976.

MULAI TAHUN DEPAN, KELAS PERALIHAN INGGERIS DIMANSUHKAN DAN KELAS PERALIHAN BAHASA MALAYSIA DIADAKAN UNTUK MURID DARI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CHINA DAN TAMIL. -- BERNAMA
1614/ZCM